



Titah Ucapan
D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir

Sempena Hari Keputeraan Ke-75
D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus

Sabtu, 14 Januari 2023

Istana Besar Seri Menanti

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah segala puji, sanjungan dan kesyukuran dirafak ke hadrat Allah S.W.T., Tuhan Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W., juga ke atas kaum keluarga dan para sahabat Baginda. Syukur setingginya juga dengan limpah rahmat dan izin-Nya Beta terus dikurniakan kesihatan serta kesempatan untuk berangkat hadir bersama Tunku Ampuan Besar bagi menyempurnakan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena ulang tahun Hari Keputeraan Beta yang ke-75 pada pagi ini.

Penghargaan Sembah Ucapan

2. Beta bersama Tunku Ampuan Besar menzahirkan setinggi-tinggi **penghargaan** serta terima kasih kepada Menteri Besar yang mewakili Kerajaan Negeri, seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Beta serta rakyat Negeri Sembilan **atas perutusan sembah ucapan tahniah dan iringan doa** bersempena Hari Keputeraan Beta pada kali ini. Kami amat menghargainya dan mendoakan agar sekalian rakyat dikurniakan nikmat kesejahteraan dan kemakmuran berpanjangan.

Tahun Baharu 2023

3. Di kesempatan ini juga, Beta dan Tunku Ampuan Besar mengucapkan selamat menyambut tahun baharu 2023. Setelah mengharungi pelbagai cabaran pada tahun-tahun sebelum ini, Beta yakin, kita kini lebih cekal dan berupaya mengharungi sebarang rintangan dan ujian. Beta berharap dengan kedatangan tahun 2023, negeri ini terus diberkati dan dilimpahi dengan kemakmuran, kesejahteraan serta kestabilan yang berterusan.

Senario Ekonomi Dan Pencapaian Hasil Negeri Sembilan

4. Beta telah disebah maklum, momentum pemulihan ekonomi Negeri Sembilan tahun 2021 dilihat terus ampuh dengan catatan pertumbuhan positif tiga peratus berbanding rekod penyusutan pada tahun sebelumnya. Pencapaian ini dilihat berkait rapat dengan usaha proaktif Kerajaan Negeri menangani cabaran pasca pandemik Covid-19, serta penyusunan strategi dalam merancakkan pertumbuhan ekonomi secara komprehensif dan inklusif. Struktur ekonomi Negeri Sembilan juga kekal bertumpu kepada tiga sektor utama iaitu sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian. Beta turut mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Beta kerana telah berjaya merekodkan pencapaian jumlah kutipan hasil begitu baik iaitu **RM521** juta sepanjang tahun 2022, melebihi sasaran awal sebanyak RM432 juta.

5. Namun, dalam kelegaan kita menikmati pertumbuhan ekonomi negeri yang semakin baik, prospek ekonomi dunia pada tahun 2023 dijangka suram dan bakal mengalami kelembapan. Tentunya Malaysia sebagai negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, tidak terkecuali daripada terkena tempias ketidaktentuan ekonomi global. Justeru, Beta berharap dalam mendepani situasi ini, Kerajaan Negeri dapat mengukuhkan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk memberi perhatian serius terhadap cabaran kemelesetan ini bagi kebaikan, kesejahteraan rakyat dan Negeri Sembilan khususnya.

Dimensi Baharu Landskap Politik Negara

6. Demokrasi yang diamalkan di Malaysia telah memberi peluang kepada setiap rakyat berumur 18 tahun ke atas untuk memilih pemimpin yang akan menerajui pemerintahan negara. Justeru pemimpin yang telah diberikan mandat, perlu mempunyai keikhlasan yang tinggi untuk berkhidmat demi kepentingan rakyat dan meletakkan kepentingan negara jauh melebihi kepentingan sendiri. Konflik dan budaya politik sempit yang berterusan hanya memperlihatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak stabil dan *fragile*. Walaupun di kalangan kita wujud perbezaan agenda dan ideologi, namun Beta yakin tentu ada persamaan terutamanya dalam agenda pembangunan dan kebijakan rakyat untuk membentuk negara yang lebih makmur.

Penghayatan Rukun Negara

7. Semua rakyat Malaysia perlu memahami dan menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara dan bukan sekadar ikrar yang dilafazkan dalam perhimpunan semata-mata. Para pemimpin pula mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan, melindungi dan melaksanakan prinsip-prinsip Rukun Negara. Beta menyeru kepada Kerajaan agar memberikan perhatian kepada prinsip ke-3, Kedaulatan Undang-undang dan prinsip ke-4, Keluhuran Perlembagaan. Kedua-dua prinsip ini amat berkait-rapat dengan konsep pengasingan kuasa antara badan eksekutif, badan perundangan dan badan kehakiman. Pengasingan kuasa perlu terus wujud agar perlaksanaan tanggungjawab dapat dibuat tanpa sebarang campur tangan dan gangguan. Ini sekaligus dapat mengelakkan sebarang bentuk penyalahgunaan kuasa dan memastikan keadilan kepada semua pihak.

Perpaduan Dan Keharmonian Masyarakat

8. Kepelbagaiannya kaum, adat resam dan latar belakang agama yang ada di Malaysia bukanlah satu halangan kepada pembentukan masyarakat yang harmoni dan bersatu-padu. Namun, sejak akhir-akhir ini, terdapat sesetengah pihak yang menggunakan isu perkauman dan agama untuk mendapat perhatian dan menarik sokongan masyarakat. Ini adalah merupakan satu tindakan yang tidak bertanggungjawab dan harus dihentikan serta-merta, malah perbuatan ini juga jelas bertentangan dengan

ajaran Islam. Seperti inti sari yang dinyatakan dalam beberapa ayat Al-Quran contohnya surah Al-Hujurat ayat 13, Allah SWT menjadikan manusia dengan pelbagai bangsa dan suku kaum supaya kita saling mengenali antara satu sama lain. Sementara dalam surah Al-Maidah ayat 8, Allah SWT melarang umat Islam bersikap tidak adil kepada sesuatu kaum hanya kerana benci akan kaum tersebut. Malah dalam surah al-Mumtahanah ayat 8, Allah SWT juga menyuruh umat Islam berbuat baik dengan sesiapa juga selagi mereka tidak menghalang umat Islam daripada menunaikan ibadah. Rasulullah SAW juga pernah bersabda:

“Ketahuilah! Sesiapa yang menzalimi mu'ahid (rakyat bukan Islam) ataupun mengurangkan haknya, ataupun membebankannya di luar kemampuannya, ataupun mengambil sesuatu (hak) daripadanya tanpa kerelaannya, maka aku menjadi penentang sesiapa yang berbuat demikian itu pada hari kiamat” **[hadis riwayat Abu Daud].**

Oleh itu, rakyat negeri ini seharusnya teguh bersatu sebagai bangsa Malaysia yang mempunyai semangat kebersamaan dengan mengukuhkan nilai kesepakatan, perpaduan dan memelihara keharmonian yang berkekalan.

Pentadbiran Kerajaan Negeri Yang Berkualiti Dan Efisien

9. Sektor awam merupakan tunjang kepada keberkesanan serta kelancaran perkhidmatan dan perancangan pembangunan Kerajaan. Ia juga merupakan jentera penting yang bertanggungjawab merancang perjalanan pentadbiran serta terlibat dalam proses pembentukan dan pelaksanaan segala dasar yang digubal oleh Kerajaan. Oleh itu, Beta menyeru agar

semua sektor awam mempertingkatkan lagi kecekapan tadbir urus, sistem penyampaian dan pengurusan bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Setiap warga sektor awam di negeri ini perlu merealisasikan usaha ini secara berterusan berlandaskan prinsip bekerja secara telus, beretika dan berintergriti.

Ucapan Tahniah Kepada Penerima Pingat

10. Beta menzahirkan ucapan tahniah kepada barisan penerima pingat dan bintang kebesaran dalam Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena Hari Keputeraan Beta kali ini. Kurniaan ini adalah sebagai satu tanda penghargaan atas jasa dan bakti yang telah diberikan kepada Beta, Kerajaan Beta dan Negeri Sembilan khususnya.

11. Kurniaan yang telah diberi perlu sentiasa dipelihara kerana ia mencerminkan martabat dan kehormatan Institusi Diraja Negeri Sembilan. Justeru, para penerima mempunyai amanah dalam menjaga kemuliaan dan pengiktirafan yang dikurniakan ini dengan memastikan imej, tatasusila, tingkah laku dan keperibadian masing-masing sentiasa terpelihara.

Ucapan Terima Kasih

12. Beta sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Menteri Besar dan pihak Kerajaan, warga perkhidmatan awam persekutuan dan negeri, serta pasukan keselamatan yang sentiasa taat

setia dalam menggalas amanah untuk Negeri Sembilan. Begitu juga penghargaan Beta kepada semua pihak di sektor swasta, badan-badan bukan Kerajaan, juga seluruh lapisan rakyat atas sumbangan, sokongan dan kesungguhan dalam meneruskan kesinambungan usaha pembangunan negeri bertuah ini.

13. Mengakhiri titah, marilah sama-sama kita memanjatkan doa ke hadrat Allah S.W.T. semoga Negeri Sembilan Darul Khusus bersama warganya sentiasa berada di dalam perlindungan, pemeliharaan serta barakah Allah dan seterusnya dilimpahi dengan keberkatan serta keamanan dan perpaduan yang berkekalan. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Sekian.

**Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**